



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

BANJIR: ORANG RAMAI DIMINTA PATUH KEPADA ARAHAN PIHAK BERKUASA DEMI KESELAMATAN DIRI

Dalam mendepani Monsun Timur Laut 2021/2022 yang telah bermula pada bulan Oktober 2021 dan diramalkan sehingga sehingga Mac 2022, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengenal pasti dan menyediakan **5,731 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** di seluruh negara yang mampu menampung seramai **1.63 juta mangsa bencana** dalam satu-satu masa. Sejumlah **134 PPS** adalah PPS berkapasiti besar, **1,970** berkapasiti sederhana dan **3,627** berkapasiti kecil. Kesemua PPS ini dilengkapi keperluan asas seperti pakaian, makanan, *hand sanitizer*, pelitup muka serta *cubicle* (bilik kecil) bagi menempatkan mangsa-mangsa banjir yang terjejas.

Sehingga pukul 11.30 malam, 18 Disember 2021 sebanyak 6 Negeri telah dilanda banjir iaitu Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Sedemikian, sebanyak **220 buah PPS telah dibuka** melibatkan **5076 buah Keluarga** dan **13,872 orang mangsa**. Bagi menangani penularan COVID-19 tatkala negara berdepan bencana banjir, kesemua mangsa akan melalui saringan COVID-19 untuk mengelakkan

daripada tercetusnya kes COVID-19 sebelum penempatan dibuat di PPS berkaitan. PPS khusus akan disediakan bagi mangsa yang didapati positif COVID-19.

Saya telah menggerakkan **seramai 1000 orang pegawai dan kakitangan JKM** bagi membantu mangsa di lokasi bencana banjir. Tambahan itu, pada masa ini **seramai 500 orang sukarelawan Skuad Keluarga Malaysia** telah digerakkan untuk membantu mangsa-mangsa di PPS yang beroperasi.

Saya berharap orang ramai supaya memastikan keselamatan keluarga terutama kanak-kanak, warga emas dan Orang Kurang Upaya diberi keutamaan sewajarnya. Pastikan anak-anak tidak bermain air bagi mengelak kemalangan jiwa. Sehubungan itu, saya mengingatkan amatlah penting bagi setiap penduduk di kawasan-kawasan terbabit untuk mematuhi nasihat pasukan keselamatan dan bersiapsiaga sekiranya diarahkan untuk berpindah ke pusat pemindahan banjir. Ini adalah untuk melindungi keselamatan diri dan keluarga untuk waktu yang kritikal ini. Elakkan daripada keluar rumah jika tiada keperluan mendesak. Jauhi dari tempat yang dinaiki air bagi mengelakkan aliran elektrik yang boleh meragut nyawa.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan Dan Komuniti yang turut menghulurkan bantuan dalam menguruskan PPS bersama Kementerian. Inilah masa kita semua bersatu dan menunjukkan solidariti kita berpaksikan Keluarga Malaysia dalam membantu antara satu sama lain.

Bagi mengikuti perkembangan maklumat bencana Banjir, orang ramai dinasihatkan untuk memuat turun Aplikasi InfoBencana JKM 2.0 melalui *Apps Store* dan *Play Store* bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai bencana banjir. Selain itu, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam dan Bilik Gerakan JKM yang boleh dilayari di portal www.jkm.gov.my.

###

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
19 DISEMBER 2021**